

09 SEP 1998

PEMIMPIN BERMORAL RENDAH MUDAH DIPERANGKAP MUSUH

KUALA LUMPUR, 9 Sept (Bernama) -- Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik berkata pemimpin negara perlu mempunyai moral yang baik bagi menjaga kepentingan negara.

Moral pemimpin memang penting kerana tanpa moral yang tinggi akan memudahkan musuh negara memeras ugut untuk mengetahui rahsia sesebuah negara, katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Mengenai pemecatan bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim Rabu lalu, beliau berkata, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka akan memberi penjelasan kepada kumpulan kakitangan tertentu dalam kerajaan dan anggota parti komponen Barisan Nasional (BN).

Katanya bagaimanapun Dr Mahathir yang juga pengerusi BN mungkin terpaksa mengambil masa untuk memberikan penjelasan itu memandangkan beliau (Dr Mahathir) terlalu sibuk menangani masalah ekonomi negara.

"Kita menyokong segala usaha kerajaan untuk memulihkan ekonomi negara demi kepentingan rakyat," katanya.

-- BERNAMA

RZS WAT